

TAKAFULINK DANA EKUITI PLUS

All information as at 31 December 2025 unless otherwise stated
Semua maklumat adalah seperti pada 31 Disember 2025 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Ekuiti Plus aims to maximise long-term returns through investing into a portfolio of domestic and foreign assets including Shariah-compliant equities and Shariah-compliant equity related securities, Islamic deposits, or any other Islamic financial instruments directly, and/or indirectly through the use of any Islamic funds such as investment-linked funds set up by us, Islamic collective investment schemes and/or Islamic exchange traded funds.


Takafulink Dana Ekuiti Plus bertujuan untuk memaksimumkan pulangan jangka panjang dengan melabur dalam portfolio aset domestik dan asing termasuk ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah, deposit Islam, atau sebarang instrumen kewangan Islam lain secara langsung, dan/atau secara tidak langsung melalui pelaburan dalam mana-mana dana Islam seperti dana-dana berkaitan pelaburan yang ditetapkan oleh kami, skim-skim pelaburan kolektif Islam dan/atau dana-dana dagangan bursa Islam.

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring Al-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	18/09/2021
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM27,418,382.90
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.50% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM1.13078

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Ekuiti Plus Vs. 80% FTSE Bursa Malaysia EMAS
Malaysia EMAS Shariah Index (FBMS) + 20% MSCI
World Islamic Index




Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	2.11%	2.01%	7.84%	2.65%	26.30%	NA	13.08%
Benchmark / Penanda Aras	1.48%	0.53%	5.87%	-1.49%	16.31%	NA	1.42%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	0.63%	1.48%	1.97%	4.14%	9.99%	NA	11.66%

Source / Sumber: Lipper for Investment Management and Bloomberg, 31 December 2025

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Eastspring Investments Dana al-Ilham	81.87
2 iShares MSCI World Islamic UCITS ETF	18.37
3 Cash, Deposits & Others	-0.24

TAKAFULINK DANA EKUITI PLUS

All information as at 31 December 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Disember 2025 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Market Review

December did not disappoint for Malaysian equities posting a gain for the month for 11 consecutive years. During the month, news flow was light ahead of the year-end festivities. On the 16 Dec 2025, PM Anwar announced 10 ministerial changes to his Cabinet line-up, with two ministers dropping from the new roster. Among the most notable changes are the appointments of Datuk Seri Johari Abdul Ghani as the new MITI minister, Johor Bahru MP Akmal Nasrullah Mohd Nasir as the new economy minister, as well as Hannah Yeoh as minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories). Overall, the number of Cabinet ministers now stands at 32 (including the prime minister), while the number of deputy ministers has increased to 30. This expansion reflects a net increase of one ministerial post via the addition of a dedicated portfolio for Sabah and Sarawak Affairs in the Prime Minister's Department, and one additional deputy minister through the creation of a new Federal Territories deputy role. The FBM Emas Shariah Index closed the month at 12,096.29, up 2.07% mom. The FBM Small Cap Shariah index was up 0.22% for the month but underperformed the FBM Emas Shariah Index.

Market Outlook

2026 started off with a bang literally, as the US carried out a large scale strike against Venezuela on 3 Jan 2026, which ended with the "capture" of President Nicolas Maduro and his wife, who were flown out of the country. This follows months of the US attacking vessels that the US administration accused were carrying drugs. Investors will be monitoring the developments from this US strike, as it may embolden other countries to take action against another's national sovereignty, without consequence. Domestically, Malaysia welcomed the new year, with Prime Minister Anwar and celebrity Michelle Yeoh launching Visit Malaysia Year 2026 (VMY2026) on 3 Jan 2026, with the aim to attract 47m visitors and generate RM329b in tourism receipts. Malaysia is in a favourable position with relatively stable politics compared to some of our other ASEAN peers. GDP growth expectations for 2026 remain robust with official forecasts at 4-4.5%, whilst many economists expect it to land at the higher end of the range. The economy continues to be supported by the FDI being realized, domestic direct investments, strong construction activities, solid consumption growth and robust tourism activities. Consumption will be aided by another SARA RM100 cash aid in mid-February 2026, for Malaysians 18 years of age and above. 2026 will also be a year of sporting events such as the 2026 FIFA World Cup to be held 11 June – 19 July 2026 in the USA, Canada and Mexico. Commonwealth Games will be held 23 July – 2 Aug in Scotland, and the Asian Games will be held in Japan 19 Sept – 4 Oct. We were optimistic on the outlook for equities in 2026, however, President Trump's strike on Venezuela was a negative surprise and this raises concerns on potential future strikes by the US, which may be a dampener on investor sentiment. Nevertheless, we see any market weakness as opportunities to accumulate fundamentally strong stocks at attractive valuations.

Fund Review & Strategy

The Fund returned 2.11% for the month, outperforming the benchmark return of 1.48% by 0.63%. Year-to-date, the fund returned 2.65%, outperforming the benchmark return of -1.49% by 4.14%. The outperformance in December was mainly attributed to local equity exposure on securities selection. Global risk markets generally rose in December, supported by monetary policy easing by the Fed and a mid-month rebound in technology stocks following earlier concerns around AI valuations and spending. Although we acknowledge that higher valuation levels will become headwinds to future returns, macroeconomic fundamentals remain supportive in our view; Fed cuts, plus some further easing in both DM and Asia, should accelerate monetary policy momentum into early 2026. In the near term, the Fund has preference to hold close to neutral position as the team recently reduced its tactical stance on Malaysia relative to global equities back to neutral on moderating domestic fundamental indicator (e.g., PMI).

Tinjauan Bulanan

Disember tidak mengecewakan ekuiti Malaysia apabila ia mencatat keuntungan pada bulan ini, selama 11 tahun berturut-turut. Sepanjang bulan tinjauan, aliran berita ringan menjelang perayaan akhir tahun. Pada 16 Dis 2025, PM Anwar mengumumkan rombakan 10 menteri dalam barisan Kabinetnya, dengan dua menteri digugurkan daripada senarai baharu. Antara perubahan yang paling ketara ialah pelantikan Datuk Seri Johari Abdul Ghani sebagai menteri MITI yang baharu, Ahli Parlimen Johor Bahru Akmal Nasrullah Mohd Nasir sebagai menteri ekonomi yang baharu, serta Hannah Yeoh sebagai menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan). Secara keseluruhan, bilangan menteri Kabinet kini berjumlah 32 (termasuk perdana menteri), manakala bilangan timbalan menteri telah bertambah kepada 30. Pengembangan ini mencerminkan pertambahan satu jawatan menteri melalui penambahan portfolio khusus buat Hal Ehwal Sabah dan Sarawak di Jabatan Perdana Menteri, dan seorang timbalan menteri tambahan melalui pewujudan peranan timbalan Menteri Wilayah Persekutuan yang baharu. Indeks FBM Emas Shariah ditutup pada 12,096.29, naik 2.07% bulan-ke-bulan (MoM). Indeks FBM Small Cap Shariah naik 0.22% pada bulan tersebut, mengatasi Indeks FBM Emas Shariah.

Gambaran Bulanan

Tahun 2026 bermula dengan dentuman yang hebat, apabila AS memulakan serangan besar-besaran terhadap Venezuela pada 3 Januari 2026, yang berakhir dengan "penangkapan" Presiden Nicolas Maduro dan isterinya, yang diterbangkan keluar dari negara itu. Ia disusuli dengan serangan AS selama berbulan-bulan ke atas kapal-kapal yang dituduh oleh pentadbiran AS mengangkut dadah. Pelabur akan mengikut rapat perkembangan serangan AS ini, kerana ia mungkin akan menggagalkan negara lain untuk mengambil tindakan terhadap kedaulatan satu-satu negara, tanpa sebarang akibat. Di dalam negara, Malaysia menyambut tahun baharu dengan Perdana Menteri Anwar dan selebriti Michelle Yeoh melancarkan program Tahun Melawat Malaysia 2026 (VMY2026) pada 3 Januari 2026, dengan matlamat untuk menarik 47 juta pelawat dan menjana pendapatan pelancongan sebanyak RM329 bilion. Malaysia berada dalam kedudukan yang baik dengan politik yang agak stabil berbanding beberapa buah negara ASEAN yang lain. Jangkaan pertumbuhan KDNK bagi tahun 2026 masih kukuh dengan ramalan rasmi pada 4-4.5%, manakala ramai ahli ekonomi menjangkakan ia akan berada pada julat yang lebih tinggi. Ekonomi terus disokong oleh kemasukan FDI, pelaburan langsung domestik, aktiviti pembinaan yang rancak, pertumbuhan penggunaan yang kukuh dan aktiviti pelancongan yang mantap. Penggunaan akan dibantu oleh satu lagi bantuan tunai SARA RM100 pada pertengahan Februari 2026, buat rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas. 2026 juga akan menjadi tahun acara sukan seperti Piala Dunia FIFA 2026 yang akan berlangsung pada 11 Jun – 19 Julai 2026 di Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico. Sukan Komanwel akan diadakan pada 23 Julai – 2 Ogos di Scotland, manakala Sukan Asia akan diadakan di Jepun pada 19 Sept – 4 Okt. Kami berpandangan optimistik terhadap prospek ekuiti bagi tahun 2026, namun serangan Presiden Trump ke atas Venezuela suatu kejutan negatif lalu menimbulkan kebimbangan mengenai kebarangkalian AS akan menyerang lagi, yang mungkin menjejaskan sentimen pelabur. Walau bagaimanapun, kami melihat apa-apa kelemahan pasaran sebagai peluang untuk mengumpul stok yang berbasik kukuh pada penilaian yang menarik.

Tinjauan dan Strategi Dana

Dana menghidangkan pulangan 2.11% pada bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras 1.48% dengan perbezaan 0.63%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana mengembalikan 2.65%, mengatasi pulangan penanda aras -1.49% dengan perbezaan 4.14%. Prestasi baik pada bulan Disember terutamanya disebabkan oleh pendedahan ekuiti tempatan terhadap pemilihan sekuriti. Pasaran risiko global secara amnya meningkat pada bulan Disember, disokong oleh pelonggaran dasar monetari oleh Rizab Persekutuan dan pemulihan saham teknologi di pertengahan bulan selepas dilanda kebimbangan mengenai penilaian dan perbelanjaan AI sebelumnya. Walaupun kami mengakui bahawa tahap penilaian yang lebih tinggi akan menjadi penghalang kepada pulangan masa hadapan, namun asas makroekonomi kekal menyokong menurut pandangan kami; di samping pemoatongan kadar oleh Fed, serta seiring beberapa pelonggaran selanjutnya oleh kedua-dua pasaran DM dan Asia, yang sepatutnya melajukan momentum dasar monetari hingga awal 2026. Dalam jangka masa terdekat, Dana lebih suka mengekalkan kedudukan yang hampir neutral apabila pasukan pelaburan baru-baru ini mengendurkan pendirian taktikalnya terhadap Malaysia berbanding ekuiti global lalu kembali kepada pendirian neutral berdasarkan penunjuk asas

TAKAFULINK DANA EKUITI PLUS

All information as at 31 December 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Disember 2025 melainkan jika dinyatakan

domestik yang menyederhana (contohnya, PMI).

Source / Sumber: Fund Commentary, December 2025, Eastspring Al-Wara' Investments Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana. Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL